

UEM Edgenta Diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* bagi Pembinaan Pantas Unit Rawatan Rapi Hibrid Lapangan Semasa Pandemik COVID-19

KUALA LUMPUR, 21 September – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, terus mendapat pengiktirafan atas sumbangan hebatnya dalam sektor penyelesaian penjagaan kesihatan. Sususulan daripada satu lagi contoh keunggulan, anak syarikat Syarikat, Edgenta Healthtronics Sdn Bhd (“EHSB”), baru-baru ini meraih anugerah bagi **"PEMBINAAN BANGUNAN FHylCU TERPANTAS SEMASA PANDEMIK COVID-19"** dari Malaysia Book of Records (“MBOR”). Yang pertama seumpamanya di Malaysia, Unit Rawatan Rapi Hibrid Lapangan (“FHylCU”) dengan sejumlah 150 katil yang terancang dibina di hospital-hospital kerajaan terpilih di Malaysia, adalah bukti komitmen UEM Edgenta yang tidak berbelah bahagi terhadap inovasi dan pelaksanaan projek yang unggul dalam mendepani keadaan yang mencabar.

Idea sebalik FHylCU ini dicadangkan oleh mantan Menteri Kesihatan dan Ketua Setiausaha sebagai tindak balas kepada peningkatan jangkitan COVID-19 pada tahun 2020. Dipacu oleh keazaman untuk menangani krisis ini dengan berkesan, Kementerian Kesihatan (“MOH”) telah mula untuk mencari kerjasama strategik dengan perusahaan swasta yang cekap dan mampu meningkatkan infrastruktur penjagaan kesihatan serta memperkukuh kapasiti kesihatan negara.

“Sebagai sebuah perusahaan tempatan, UEM Edgenta amat berbangga dengan komitmennya bagi menyokong usaha-usaha pemulihan COVID-19 oleh pihak Kerajaan. Memanfaatkan kepakaran khusus kami, kami berjaya merealisasikan konsep inovatif FHylCU Kementerian Kesihatan – sebuah unit ICU mudah alih yang dilengkapi dengan bekalan kuasa, oksigen dan bekalan air sendiri. Pencapaian ini bukti keupayaan Syarikat kami dalam mengatasi cabaran dan menyediakan penyelesaian penting dengan tepat terutamanya bila diperlukan,” kata Syahrizam Samsudin, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

"Kejayaan menyiapkan kemudahan FHylCU 150-katil ini adalah bukti komitmen tidak berbelah bahagi kami dalam memenuhi keperluan penjagaan kesihatan negara, terutamanya semasa fasa-fasa kritikal pandemik COVID-19. Pengiktirafan ini akan mendorong kami untuk terus menyampaikan perkhidmatan dan penyelesaian yang terbaik sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan kemajuan infrastruktur penjagaan kesihatan negara," tambahnya.

Hadir di acara tersebut, Shaiful Subhan, Pengarah Urusan Edgenta Mediserve Sdn Bhd dan Ketua Healthcare Solutions, UEM Edgenta, menyatakan, "Pengiktirafan oleh Malaysia Book of Records ini merupakan detik yang membanggakan bagi UEM Edgenta serta warga kerjanya yang berdedikasi. Kami berbesar hati dapat menyertai barisan pemegang rekod di negara ini. Pihak Syarikat berharap dapat meneruskan misinya untuk menyampaikan penyelesaian yang inovatif dan menyumbang

kepada kemajuan arena penjagaan kesihatan Malaysia. Pencapaian ini adalah bukti komitmen tidak berbelah bagi kami kepada kecemerlangan dan inovasi, walaupun berada dalam keadaan yang mencabar."

Pembinaan FHylCU, satu inisiatif terbaharu yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penjagaan kritikal, telah dilaksanakan secara serentak di beberapa lokasi di seluruh Malaysia semasa tempoh mencabar pandemik COVID-19. Dengan sejumlah 14 lokasi yang berbeza, pencapaian ini menekankan komitmen UEM Edgenta terhadap kecemerlangan penjagaan kesihatan dan dedikasinya untuk menyokong infrastruktur penjagaan kesihatan negara, terutamanya semasa waktu krisis.

Binaan FHylCU ini adalah bukti usaha kerjasama UEM Edgenta dan rakan-rakan kongsinya, yang bertungkus-lumus menyiapkan projek dalam jangka masa yang mencabar. Pencapaian ini bukan sahaja mengukuhkan reputasi Syarikat sebagai peneraju industri tetapi juga menyerlahkan komitmennya yang tidak berbelah bahagi untuk berkhidmat kepada masyarakat dan mengutamakan kesejahteraan negara. Dilantik oleh KKM, UEM Edgenta, melalui EHSB, berkhidmat sebagai kontraktor utama untuk projek berwawasan ini di mana ia juga bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi yang memainkan peranan penting dalam kejayaan menyiapkan projek FHylCU; iaitu Synar Setara Resources Sdn. Bhd., S&A Bintang Sdn. Bhd., dan Perunding Al-Shura M&E Sdn. Bhd.

Diadakan di ibu pejabat UEM Edgenta di Kuala Lumpur, pengiktirafan tersebut telah disampaikan oleh Edwin Yeoh Tiong Chin, Perunding Rekod Kanan, MBOR, kepada Shaiful Subhan. Turut hadir menyaksikan detik bersejarah itu ialah Tuan Hj. Yahaya Saad, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan bersama wakil-wakil KKM dan Ir Mazlan Yusoff, Pemangku Ketua Pegawai Operasi, Penyelesaian Penjagaan Kesihatan, UEM Edgenta.

UEM Edgenta meneruskan perjalanan inovasinya yang luar biasa, memacu pertumbuhan sekaligus menyampaikan teknologi dan impak yang dipacu kelestarian kepada semua pihak berkepentingan. Untuk maklumat lanjut, layari www.uemergenta.com.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

LAMPIRAN 1 – MAKLUMAT TAMBAHAN

LOKASI FH*y*ICU

No.	Fasa	Lokasi	Hospital	Tarikh Siap	Tempoh
1	Fasa 1	Selangor	Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR)	20 Mei 2020	26 hari
2	Fasa 2	Melaka	Hospital Melaka	2 Julai 2021	30 hari
3		Penang	Hospital Kepala Batas	3 Julai 2021	30 hari
4	Fasa 3	Selangor	Hospital Selayang	2 September 2021	30 hari
5		Negeri Sembilan	Hospital Tuanku Jaafar	2 September 2021	30 hari
6		Johor	Hospital Sultanah Aminah	4 September 2021	30 hari
7		Sabah	Hospital Tawau	30 September 2021	45 hari
8		Sarawak	Hospital Sibu	13 Oktober 2021	45 hari
9		Kedah	Hospital Sultan Abdul Halim	21 September 2021	30 hari
10	Fasa 4	Penang	Hospital Kepala Batas (Additional)	27 Oktober 2021	30 hari
11		Terengganu	Hospital Sultanah Nur Zahirah	12 November 2021	30 hari
12	Fasa 5	Sarawak	Hospital Sarikei	6 Januari 2022	69 hari
13		Sarawak	Hospital Bintulu	31 Disember 2021	61 hari
14		Kedah	Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar	24 November 2021	30 hari
15	Fasa 6	Kelantan	Hospital Raja Perempuan Zainab II	8 Februari 2022	40 hari